



# Buletin P



**Menarik  
Di Dalam**  
EDISI PERTAMA

**12** PENJADUALAN PROJEK  
DI JABATAN KERJA RAYA

**14** SEJAUHMANA  
PENGURUSAN NILAI  
MEMBERI KESAN KEPADA  
PENGURUSAN PROJEK

# Coretan Ketua Editor

Dipanjangkan syukur yang tidak terhingga ke hadrat Illahi, buat julung-julung kalinya Pejabat Portfolio dapat menerbitkan buletinnya yang pertama. Buletin Pejabat Portfolio ini juga dapat menjadi wahana bagi mengumpulkan dan menyebarkan maklumat-maklumat dan aktiviti-aktiviti berkaitan yang telah dijalankan oleh warga Bahagian Pengurusan Projek Kompleks khususnya.

Dengan kerjasama yang baik serta jitu di antara unit-unit, maka terhasillah buletin ini dengan komitmen yang memberansangkan dan membanggakan daripada setiap pegawai. Ini sekaligus dapat mengekspresikan dengan lebih baik segala inisiatif yang telah dan sedang diusahakan.

Ribuan terima kasih yang tidak terhingga dan sekalung tahniah saya ucapkan kepada semua ahli sidang redaksi buletin ini kerana telah bertungkus-lumus menghasilkan keluaran yang cukup kompak dengan jayanya.

*“Tumbuh Teratai Di Tepi Muara  
Kembang Setaman Di Waktu Pagi  
Maaf Di Pinta Tersilap Bicara  
Mohon Rezeki Bertemu Lagi”*

Sekian,

**En. Norrasmi bin Mohammed**

## Isi Kandungan

**3** Kata-kata  
Penaung

**4** Temubual  
bersama Pengarah  
BPPK

**5-12** Unit

**13-16** Artikel  
SME 1 & 2

**17** Pencapaian PO  
Negeri

**19** PLL

**20** Mutiara  
Kata

**21** Direktori

**22** JAKSO

**23** Mutiara  
Kata

**24** Kalendar

# Perutusan Pengarah Kanan

***“Berfikir Dan Merencana Adalah Akar Pengurusan, Tetapi Ianya Haruslah Di Teruskan Dengan Membina Bersama Pelaksana Bagi Mencapai Objektif, Tujuan Dan Pelaksanaan Yang Mampan”***



Dengan nama Allah yang Maha Pengasih dan Penyayang. Besar limpah kurnia Illahi ke atas kami selama penubuhan Cawangan Perancangan Aset Bersepadu di dalam Jabatan Kerja Raya ini. Sekalung tahniah dan ucapan terima kasih saya ucapkan kepada bahagian sidang redaksi dan ahli jawatankuasa dalam pembikinan Buletin Pejabat Portfolio yang tuntas ini.

Berfikir dan merencana adalah akar pengurusan, tetapi ianya haruslah di teruskan dengan membina bersama pelaksana bagi mencapai objektif, tujuan dan pelaksanaan yang mampan.

Demikian itu, Cawangan Perancangan Aset Bersepadu tidak pernah terleka dalam mempergiat usaha bagi menambah pengetahuan umum tentang Pengurusan Projek dan Pengurusan Aset.

Saya amat berbangga dengan penghasilan buletin ini dan berharap daya usaha dan pemikiran inovatif warga Cawangan Perancangan Aset Bersepadu dapat digarap dengan lebih giat lagi dalam penghasilan edisi akan datang.

Akhir kata, saya mengucapkan jutaan terima kasih dan sekalung apresiasi di atas kejayaan dalam menghasilkan Buletin Pejabat Portfolio ini.

Sekian,

**Dato' Ir. HJ. Mohd Daud Bin Harun**  
**Pengarah Kanan**  
**Cawangan Perancangan Aset Bersepadu**

**Penaung:** Dato' Ir Hj. Mohd Daud bin Harun (Pengarah Kanan CPAB)

**Penasihat:** Mohd Rahim bin Kawangit (Pengarah BPPK)

**Ketua Editor:** En. Norrasmi b Mohamed

**Penolong Ketua Editor:** Tn. Hj Ahmad Zaki b Bahari

## Sidang Redaksi

1. En. Norikhwan b Hj Abu Seman 2. En. Shahrul Naam b Mohamed Ali 3. En. Muhammad Nazmi bin Mat Na'ain 4. Pn. Rosyatimah bt Shah  
 5. En. Wan Mohd Ashraf b Wan Abdullah 6. Pn. Nor Parzila bt Abdul Ghaffar 7. Pn. Nur Hidayah bt Mohammed Rusly 8. En. Izzuadi b Ishak  
 9. Pn. Sailah bt Mohd Jamil 10. En. Mohamed Fikri b Mohamed Yunus 11. Pn. Safira Aiza bt Ahmad 12. En. Mohd Nuzul Faiz b Mohamed Fitri  
 13. En. Mohd Ismade b Ishak 14. Tn. Hj. Aidi b Hj Abu Kassim 15. En. Muhammad Syamil Musaddiq b Mohd Ashhar 16. Pn. 'Ainaa' Adilah bt Zulkadri 17. Pn. Saidatul Hani bt Suroh

## AHLI JAWATANKUASA

**Soalan:**

Sebagai pengenalan, mohon Tuan maklumkan berkenaan Pejabat Portfolio/ (PO).

**Pengarah:**

Portfolio Office (PO) telah ditubuhkan pada tahun 2009 di bawah Cawangan PROKOM. Pada permulaanya diberi nama 3PO dengan gabungan 3 unit iaitu Unit Pelaksanaan Dasar Pengurusan Program dan Projek, Unit Amalan Terbaik dan Unit Pengurusan Prestasi. Penjawatan PO di Ibu Pejabat, Negeri dan Cawangan telah diisi dengan Ketua PO di Negeri yang merupakan Ketua CPAB Negeri.

**Soalan:**

Apakah Objektif utama PO?

**Pengarah:**

Objektif utama PO adalah:

- Meningkatkan dan menambahbaik pengurusan projek di Jabatan Kerja Raya (JKR) dengan menerajui penerapan amalan terbaik pengurusan projek
- Mengoptimalkan Kepenggunaan Sumber Manusia
- Menstrategikan pelaksanaan projek kearah meningkatkan prestasi penyampaian projek
- Memastikan peningkatan Tahap Kepuasan Pelanggan.

**Soalan:**

Sebagai mukadimah, mohon tuan maklumkan serba sedikit tentang Pasukan Projek Persekutuan (Negeri)

**Pengarah :**

Jawatankuasa Kerja PPP(N) telah ditubuhkan pada 25 Februari 2016. PPP (N) diletakkan bawah pentadbiran Pengarah JKR Negeri. Penubuhan PPP (N) ini adalah berikutan penstrukturan semula JKR pada akhir 2014 dengan ketetapan bahawa Pengarah Kanan/Pengarah Cawangan di Ibu Pejabat JKR sebagai Pengurus Program.

**Soalan:**

Apakah objektif penubuhan Pasukan Projek Persekutuan (Negeri).

**Pengarah:**

Objektif PPP(N) ditubuhkan adalah bagi memantapkan lagi kaedah atau mekanisme pemantauan projek di JKR lanjutan daripada jurang yang wujud sebagai Pegawai Penguasa akibat penstrukturan semula JKR.

# Pengenalan Pejabat Portfolio

## Bersama Pengarah BPPK

**Soalan:**

Penggunaan Building Information Building (BIM) amat dititik beratkan dalam pelaksanaan projek tertentu. Mohon tuan maklumkan sedikit apakah yang dimaksudkan dengan BIM?

**Pengarah:**

Building Information Building (BIM) merupakan proses penyediaan dan penggunaan model menerusi teknologi digital 3D berparametrik. BIM mengandungi pelbagai informasi bagi meningkatkan sistem penyampaian di sepanjang kitar hayat pelaksanaan projek.


**Soalan:**

Apakah yang menyebabkan penggunaan BIM merupakan inisiatif terbaru dalam pelaksanaan projek?

**Pengarah :**

Penggunaan BIM dilihat sebagai inovasi terbaru bagi mengurangkan isu konflik/ percanggahan pembinaan. Isu konflik/ percanggahan pembinaan yang timbul adalah akibat kelemahan koordinasi dan komunikasi akan mengakibatkan :

- Kelewatan projek
- Peningkatan kos
- Kualiti mutu pembinaan terjejas



**Mohd Rahim bin Kawangit**  
(Pengarah BPPK)



# UNIT PELAKSANAAN DASAR PENGURUSAN PROGRAM & PROJEK

## MESYUARAT PORTFOLIO OFFICE (MPO)

Tujuan mesyuarat ini diadakan adalah untuk membincangkan pencapaian, masalah dan isu berbangkit antara staf PO di cawangan dan negeri. Diadakan sebanyak 4 kali setahun yang terdiri daripada pegawai PO dari Ibu Pejabat, Cawangan dan Negeri.



## PROGRAM LIBAT URUS DI NEGERI

Tujuan program adalah bagi memberi penerangan kepada JKR Negeri mengenai fungsi, tugas dan tanggungjawab mengenai CPAB Negeri khususnya Unit Pengurusan Portfolio Negeri, UPPN (PMO). Diadakan di setiap negeri dan wilayah persekutuan yang telah dilaksanakan pada Tahun 2015 dan 2016.



## PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN NEGERI (PPPN)

Tujuan diwujudkan adalah bagi memantapkan lagi kaedah atau mekanisme pemantauan projek di JKR lanjutan daripada jurang yang wujud sebagai Pegawai Penguasa akibat penstrukturan semula JKR.



## GARIS PANDUAN PENUBUHAN PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN (NEGERI)

## PLAN BISNES & ENTERPRISE RISK MANAGEMENT (ERM)

Plan Bisnes adalah untuk merancang aktiviti BPPK dan PO sepanjang tahun. ERM adalah untuk mengenalpasti risiko di setiap unit dan cawangan.



# Unit Amalan Terbaik

**Relational Contracting (RC)** merupakan salah satu pendekatan inovatif di dalam kaedah perolehan Kerajaan untuk digunapakai di dalam projek akan datang. Kaedah perolehan RC secara umumnya merupakan partnership approach based on common vision of how the implementing parties (client, government and agencies/consultant) will work together to achieve a mutually successful outcomes in the procurement.



## SEMINAR BERSIRI DAN SESI TOWN HALL RELATIONAL CONTRACTING (RC)

Tempat : CREaTE dan JPM, Putrajaya

Tarikh: 27-28 Okt 2016, 16-17 Nov 2016 dan 29-30 Nov 2016



## PROGRAM PROJECT HEALTH CHECK

Tempat : JKR Negeri

Tarikh: Sepanjang tahun 2016



## BENGKEL PENGURUSAN RISIKO

Tempat : JKR Negeri

Tarikh: Sepanjang tahun 2016



## BENGKEL GERBANG NILAI

Tempat : Menara PJD

Tarikh: 2 Ogos 2016

## Pencapaian UAT

### PHC

10 program PHC telah dilaksanakan dan 4 bengkel fasilitasi melahirkan PHC practitioner telah dijalankan.



### RISIKO

45 Bengkel Pengurusan Risiko telah berjaya dilaksanakan



### PENJADUALAN

22 Projek Telah Diaudit Dan 5 Laporan pematuan telah dikeluarkan



### GERBANG NILAI

Bengkel fasilitasi Gerbang Nilai telah diadakan dan 4 program Gerbang Nilai telah dilaksanakan.



# Unit Sistem & Kompetensi Pengurusan Projek

## SEMINAR PENGURUSAN PROJEK 2016 “DRIVING PROJECT MANAGEMENT EXCELLENCE THROUGH COMPETENCY & INTEGRITY”

Tarikh : 22 November 2016

Tempat : Dewan Auditorium, Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia, Kuala Lumpur.

Objektif seminar ini diadakan khusus bagi memberi pendedahan kepada pegawai JKR tentang konsep serta amalan terbaik dalam pengurusan projek secara menyeluruh serta lesson learned dalam menguruskan projek dan pentadbiran kontrak. Di samping itu juga, ianya bertujuan menerapkan budaya kerja yang amanah, jujur dan telus dalam memberikan perkhidmatan kepada rakyat.



## KURSUS ASAS INISIATIF CPAB (PROKOM)

Tarikh : 26 – 28hb September 2016

Tempat : Institut Semarak FELDA, Bangi.

Tujuan kursus diadakan adalah memberi pemahaman asas secara teori dan amali bagi amalan terbaik dalam pengurusan projek. Antara kandungan kursus tersebut adalah Pengurusan Projek, Pengurusan Risiko Projek, ACAT, Gerbang Nilai, Project Health Check, Penjadualan Projek dan Peranan Pejabat Portfolio.



## PROGAM PENSIJILAN PENGURUS PROJEK BERTAULIAH SESI 2016

Seramai 16 orang Jurutera Daerah daripada 37 orang pegawai JKR telah menyertai Program Pensijilan Pengurus Projek Sesi 1/2016. Seterusnya, bengkel Amalan Terbaik Pengurusan Projek dan sesi Readiness Interview diadakan selama 3 hari 2 malam. Seramai 4 orang pegawai dicalonkan sebagai RPD, 24 orang pegawai RPM dan 9 orang pegawai QPP.



## KURSUS KOMPETENSI PASUKAN PROJEK PERSEKUTUAN NEGERI TERENGGANU

Tarikh : 4 – 8hb September 2016

Tempat : Bilik Seminar, Perpustakaan Awam Negeri Terengganu.

Seramai 25 orang pegawai kumpulan sokongan dan P&P daripada Pasukan Projek Persekutuan Negeri Terengganu telah menghadiri kursus tersebut. Objektif kursus tersebut diadakan adalah untuk memberi pendedahan dan kefahaman mengenai aspek pengurusan projek, meningkatkan kompetensi pasukan projek dalam menggunakan teknik dan prosedur dalam pelaksanaan projek khususnya dalam peringkat pembinaan, memberi kesedaran tentang isu-isu dan masalah yang berulang dalam laporan audit negara di peringkat pembinaan projek dan meningkatkan kefahaman dalam penggunaan SPB yang terkini.



# Unit Pengurusan Nilai

Sepanjang tahun 2016, sebanyak 42 Projek telah menjalankan Makmal Pengurusan Nilai melibatkan projek-projek Kerajaan di bawah seliaan Jabatan Kerja Raya serta Kementerian-kementerian kerajaan yang lain. Makmal pengurusan nilai ini telah berjaya dilaksanakan hasil kerjasama daripada fasilitator-fasilitator terlatih daripada Unit Pengurusan Nilai, CPAB serta fasilitator jemputan daripada cawangan-cawangan lain di JKR yang telah dilatih di bawah program/kursus yang dianjurkan oleh Unit Pengurusan Nilai serta kolaborasi bersama pihak IVMM (Institute Of Value Management Malaysia)



“Suasana biasa ketika makmal sedang berjalan. Adakala berlarutan sehingga ke larut malam. JKR, Konsultant, klien serta pelbagai agensi terlibat bergabung tenaga bagi mendapatkan hasil terbaik untuk sesebuah projek.”



“Ahli Makmal Kejuruteraan Nilai (JKR, UPSI, KPT dan lain-lain pihak terlibat) bergambar ceria selepas selesai makmal selama 5 hari (31/10/2016-4/10/2016) yang diadakan di Syuen Hotel, Ipoh Perak.”

Pencapaian Unit Pengurusan Nilai dalam mengoptimalkan rekabentuk selaras dengan objektif, keperluan skop, dan fungsi projek turut mendapat perhatian daripada Timbalan Ketua Pengarah Kerja Raya dan mendapat respon yang baik daripada pengamal media sosial sebagaimana petikan status Facebook beliau pada 17 Januari 2016.





**Hasnul Mohamed Salleh** added 7 new photos  
January 17 · Petaling Jaya · 🌐

Amalan Terbaik Penyediaan VE dan Pembinaan (Rekabentuk, Perolehan dan Pelaksanaan)

1. Aktiviti Bengkel VE (Projek INFRA Caw Sarawak) yang diadakan di Kuching. Sarawak daripada 13 Jan -15 Jan 2016 telah dijalankan dengan cemerlang oleh Urusetia dengan penyelarasan kos dan Action Plan dalam tempoh yang begitu singkat
2. Kehadiran semua pegawai pegawai kanan seperti yang saya sarankan dalam setiap VAVM dan terutama pada VE yang baru diadakan antara punca kejayaan kerana keputusan boleh dibuat dengan pantas dan tepat. Lazimnya sebelum ini lebih ramai pegawai 41 yang hadir berbanding pegawai pegawai kanan yang lain. Seperkara lagi kehadiran semua stakeholders juga memudahkan lagi proses VE mungkin
3. Daripada kos tambahan asal yang melebihi RM2 juta telah dapat diselaras dan optimalkan rekabentuk sehinggakan ZERO kos tambahan
4. Dengan demikian, ia tidak memerlukan sebarang permohonan kelulusan kos tambahan daripada EPU.
5. Adalah diharapkan jika semua Action Plan yang telah dipersetujui mengikut perancangan yang melibatkan aktiviti didalam JKR dan luar MOF dapat diselaras dan disynchronize, insyaAllah SST boleh dikeluarkan 4 bulan lebih awal
6. Tahniah dan syabas pada semua yang terlibat seperti
  - i. Y Bhg Dato Rubiyah Bt Abd Rahman, Pengarah Infra
  - ii. Y Bhg Datin Natifah Bt Hassan JKR
  - iii. Pn Sr. Hashimah Bt Harun, JKR
  - iv. Pn Zawidatul Asma Bt Ghazali, JKR
  - v. Semua HODTS JKR dan perunding (Arkitek, MNE, QS dan CnS)

4. Feb 2016. BKE dan MERS



Like Share

# Unit Building Information Modelling

## FUNGSI & TANGGUNGJAWAB UNIT BIM

### Penyediaan Road Map & Roll Out Plan BIM JKR

- JKR BIM Roll Out Plan 2017-2020

### Pembangunan Dokumen Rujukan BIM JKR

- Garis Panduan BIM JKR
- Piawaian BIM JKR
- Manual Proses Kerja BIM JKR
- JKR BIM Requirement
- Manual Penggunaan Templat BIM JKR

### Pelaksanaan Projek Perintis BIM



Bangunan Pentadbiran SPRM Shah Alam, Selangor



Klinik Kesihatan Jenis 5 (KK5) Maran, Pahang

### Facilitasi Pasukan Projek BIM JKR

- Projek Majlis Bandaraya Kuala Terengganu
- Projek Kompleks Endokrin Hospital Putrajaya
- Projek Fakulti Kej. Elektrik & Elektronik UTHM, Johor
- Projek Hospital Parit Buntar, Perak
- Projek Hospital Kemaman, Terengganu
- Projek Hospital Pendang, Kedah
- Projek Hospital Pasir Gudang, Johor
- Projek Hospital Maran, Pahang
- Projek Naik Taraf Hospital Kajang, Selangor
- Projek Naik Taraf Hospital Miri, Sarawak

### Facilitasi Penyediaan Model PAP JKR

- Blok Akademik
- Kwarters (Kelas G)
- Kantin
- Kwarters (Kelas D)
- Klinik Kesihatan (Jenis2)
- Bangunan Pejabat
- Klinik Kesihatan (Jenis4)
- Balai Bomba

### Melaksanakan Penyelidikan & Pembangunan Kepakaran BIM di JKR

- Pelan Operasi Latihan BIM JKR
- Program Pensijilan Perisian BIM
- Program Pembangunan Kompetensi Perisian BIM

### Pengemaskinian Revit Family Components Library

- Arkitek
- Mekanikal
- Struktur
- Elektrik

## PENERBITAN UNIT BIM



Garis Panduan BIM JKR



Piawaian BIM JKR



MPK BIM JKR Fasa Perancangan



MPK BIM JKR Fasa R/B Awal

### PERANCANGAN

MANUAL  
TEMPLAT  
BIM JKR

MANUAL  
PROSES  
KERJA  
BIM JKR

FASA  
PEMBINAAN



MPK BIM JKR Fasa R/B Terperinci



JKR BIM Requirement (D&B Projects)

## AKTIVITI & PROGRAM UNIT BIM 2016

### Industry Appreciation Dinner, CIDB



Unit BIM, CPAB dijemput menghadiri Majlis Penghargaan bagi penggiat Industri Pembinaan di Double Tree by Hilton Hotel

### Build BIM Day 2016



Penceramah & Panel Penilai Pertandingan Model BIM di Politeknik Ungku Omar.

### Seminar My BIM & My CREST (BIM Road Tour)



Selangor



Sabah



Pulau Pinang

Unit BIM, CPAB JKR dijemput sebagai penceramah dan peserta pameran BIM bersempena Seminar My BIM oleh CIDB.

### MoU BIM JKR-UMP



Mesyuarat Persefahaman BIM antara Jabatan Kerja Raya dan Universiti Malaysia Pahang.

### Seminar Initiatives for BIM 2016



### Mesyuarat AJK Teknikal BIM



### JKR BIM & Asset Day 2016



JKR BIM & Asset Day 2016 telah diadakan pada 19 Mei 2016 bertempat di Auditorium Sasana Kijang, Bank Negara Malaysia.

### Pelancaran Dokumen MPK BIM JKR oleh Ketua Setiausaha Kerja Raya YBhg. Dato'Sri Zohari Bin Haji Akob



# Unit Enterprise Content & Knowledge Management



## Pencapaian Unit ECKM 2016

### “Best Paper Award (Practitioner)”

kepada En. Khairil Hizar Md Khuzaimah dan ketua pasukan, Sr.Roznita Othman di persidangan PAQS yang berlangsung di New Zealand pada 24 Mei 2016 kertas kerja bertajuk “Empowering AEC Professionals towards High Performance and Excellence via Communities of Practice and Knowledge Networks: Case Study of the Public Works Department of Malaysia”



## Aktiviti Unit ECKM 2016



**PROFESSIONAL EXECUTIVE TALK DAN BUAL BICARA BERSAMA TKPKR**

13 Disember 2016  
Sasana Kijang



**BENGKEL KM AUDIT**  
24-25 Ogos 2016  
19-20 September 2016



**SEMINAR KConnect**  
2016  
17 Mei 2016  
Sasana Kijang



**SEMINAR CoP**  
JKR 2016  
6 September 2016  
PPAS, Shah Alam



**BENGKEL PEMBANGUNAN CoP HEALTH CHECK**  
24 – 26 Oktober 2016

## Terbitan Unit ECKM 2016



# Unit Pengurusan Prestasi Projek

## Objektif Intervensi

- Berusaha untuk menyediakan satu pasukan projek yang efisien dan efektif didalam memantau dan mengawal (monitoring and control) pelaksanaan projek JKR supaya projek yang diluluskan dilaksanakan mengikut skop, tempoh dan kos yang ditetapkan.

## Tujuan Intervensi Projek

- Menilai pemahaman dan penggunaan Sistem dan Prosedur yang disediakan oleh JKR
- Memaklumkan garis panduan dan arahan terkini dalam pelaksanaan projek JKR
- Untuk mengenalpasti kekuatan pasukan dan memberikan pengesyoran/cadangan penambahbaikan bagi memantapkan penubuhan PPP.

## Sistem dan Prosedur Di dalam Pengurusan Projek

- Setiap projek perlu mempunyai satu set sistem dan prosedur memperincikan kaedah standard, amalan dan proses untuk mengendalikan acara kerap berlaku dalam projek tersebut.
- Ini akan merangkumi pengurusan kerja dan kelulusan, pemantauan, kawalan dan keperluan teknikal.
- Sistem juga akan meliputi kaedah pengendalian pemindahan maklumat, penyimpanan dan mendapatkan semula.

## Keperluan prosedur dan sistem

- Untuk memastikan semua ahli pasukan adalah kompeten dan mempunyai pemahaman yang sama didalam menjayakan sesuatu projek
- Untuk menangani masalah yang disebabkan oleh pihak Kontraktor
- Menilai keberkesanan pengurusan projek

## Aspek-aspek Penilaian

- Kompetensi Dan Komitmen Pasukan Projek
- Perancangan Projek
- Pemantauan & Pelaporan Kemajuan Projek
- Kawalan Kemajuan Projek
- Kawalan Kualiti Projek
- Pengurusan Sumber Manusia
- Pentadbiran Kontrak
- Pengurusan Fail, Dokumen & Rekod
- Fokus Pelanggan
- Ketua Pasukan Projek

## Rumusan

- Garis panduan , Tatacara , Sistem dan Prosedur Kerja bagi memantau pelaksanaan projek telah ada di JKR.
- Pematuhan dan amalan menggunakan dokumen/sistem berkenaan mestilah berterusan bagi memastikan pemantauan dan kawalan ke atas projek dalam pelaksanaan adalah efektif supaya outcome agensi pelanggan tercapai.



Sesi pemeriksaan dokumen-dokumen kontrak di tapak.



Lawatan ke tapak projek.



Sesi penilaian dari Pasukan Intervensi.

## Aktiviti-Aktiviti Unit Pengurusan Prestasi Projek

### MESYUARAT PROBLEM SOLVING GOVERNANCE (PSG)

Tujuan penubuhan Project Problem Solving Governance ini adalah untuk menyelesaikan dengan segera projek-projek bermasalah yang dilaksanakan oleh JKR Malaysia. Pada mesyuarat ini, Pengarah Cawangan / Pengarah JKR Negeri / Pengarah JKR Wilayah Persekutuan / Pegawai Penguasa / Pengarah Projek terlibat diminta untuk memberi penjelasan tentang kelewatan dan cadangan penyelesaian projek masing-masing.



Mesyuarat PSG Bil. 1/2016

# Penjadualan Projek Di Jabatan Kerja Raya

## Laporan Keberkesanan

oleh Ir Mukhlis Jaya bin Abdullah

### PENGENALAN

Unit Amalan Terbaik telah mengambil inisiatif untuk menilai tahap keberkesanan aplikasi program kerja di dalam pemantauan dan pengawalan projek. Laporan keberkesanan ini adalah susulan dari hasil penilaian yang telah dibuat di beberapa JKR Negeri. Kejayaan sesuatu projek berkait rapat dengan keupayaan untuk menyediakan suatu program kerja yang efektif yang menyatakan dengan jelas aktiviti yang perlu dilaksanakan, sumber yang akan melaksanakannya dan tempoh masa sesuatu aktiviti perlu dilaksanakan.


Program kerja penting kerana ia memberikan satu pelan integrasi untuk melaksanakan projek secara sistematik; untuk menilai kemajuan kerja dan memudahkan sebarang penyelesaian masalah dan meningkatkan akauntabiliti di setiap lapisan pengurusan. Program kerja mempaparkan turutan masa aktiviti and membolehkan semua pihak memahami tarikh-tarikh milestone dan aktiviti yang mengawal jadual. Program kerja juga menjadi suatu alat untuk membangunkan bajet baseline berasaskan masa.

Disamping itu, program kerja juga menjadi asas untuk menguruskan perubahan kos, jadual dan skop. Antara lain, program kerja dapat membantu pengurus projek dengan mengambil tindakan terhadap hubungan antara aktiviti, menentukan kefleksiblen program kerja berdasarkan sumber sedia ada, dan menyediakan pelan kontigensi untuk mitigasi risiko. Susulan perubahan di dalam program kerja, ia boleh digunakan untuk meramal untuk menganalisis kelewatan dan memberikan ruang untuk menyediakan pelan pindaan masa dan kos. Dalam erti kata lain, program kerja boleh untuk membuat verifikasi dan validasi terhadap cadangan perubahan yang dikemukakan.

*Even if you are on right track, you will get run over if you just sit there... Will Rogers*



**Mecca Clock Tower**  
Makkah, Arab Saudi  
1,972 kaki



**Burj Khalifa**  
Dubai, United Arab Emirates  
2,717 kaki

**Taipei 101**  
Republic of China (Taiwan)  
1,437 kaki



# Aplikasi Program Kerja Di Dalam Kawalan Dan Pemantauan Projek Di JKR

## 1. Pengemaskinian program kerja perlu di laksanakan secara berterusan.

Pengemaskinian program kerja merujuk kepada proses memasukkan input tarikh mula sebenar, tarikh siap sebenar dan peratus kemajuan. Pengemaskinian adalah asas kepada pengurusan sumber yang cekap. Ia memerlukan proses yang berterusan dan realistik terhadap jadual. Proses ini memerlukan sokongan pasukan projek. Daripada kajian yang telah dilaksanakan mendapati proses pengemaskinian masih lagi lemah dan harus dipertingkatkan. Proses pengemaskinian juga perlu merujuk maklumat di dalam buku harian tapak. Sela masa untuk mengemaskini program kerja bergantung kepada tempoh, kompleksiti dan risiko projek. Sekiranya proses mengemaskini tidak dibuat secara berterusan, ia akan menyukar Pasukan projek untuk bertindak terhadap isu-isu semasa yang boleh memberi kesan terhadap projek.

Apabila pengemaskinian telah dibuat, data-data yang dimasukkan tersebut perlu disemak dan disahkan oleh Pasukan projek. Integriti program kerja perlu diteliti setelah siap proses pengemaskinian program kerja oleh pihak kontraktor. Ia adalah penting supaya program kerja sentiasa kekal relevan.

## 2. Kemajuan fizikal dan kewangan perlu di analisis oleh Pasukan Projek.

Apabila proses pengemaskinian telah dilaksanakan, Pasukan projek perlu menyediakan laporan projek untuk menilai samada sesuatu projek sedang dilaksanakan seperti yang dirancang. Laporan projek terdiri dari data-data kemajuan jadual berbanding sebenar dan data-data ramalan (forecast). Sehubungan dengan itu, program kerja yang dikemaskini dengan betul dapat membolehkan Pasukan projek untuk menghasilkan laporan terperinci dengan segera.

Diperingkat Jabatan, Pasukan projek perlu melaksanakan anjakan paradigm untuk mengubah trend mengambil data kemajuan kerja dari pihak kontraktor. Didapati, trend ini masih lagi berterusan dan dikhuatiri akan menjejaskan integriti laporan kemajuan kerja projek. Pasukan projek perlu menggunakan data program kerja yang telah dikemaskini dan membuat analisis kemajuan kerja fizikal dan kewangan untuk projek. Seterusnya data-data kemajuan di gunakan untuk penyediaan laporan kontrak oleh Pasukan projek dan laporan kemajuan kerja oleh pihak kontraktor.

*“A project is like love; it has clear intentions at the beginning, but it can get complicated.” - Gerry Geek*

## 3. Penilaian Bayaran Interim Melalui Program Kerja

Penilaian bayaran kemajuan kerja telah diperuntukkan dalam kontrak. Syarat-Syarat Kontrak telah menyatakan tentang keperluan Pegawai Penguasa untuk melaksanakan penilaian kerja terhadap kerja-kerja yang telah dilaksanakan oleh pihak kontraktor. Di dalam JKR, proses penilaian yang dipraktikkan telah pun dinyatakan di dalam Sistem Pengurusan Bersepadu iaitu di dalam Prosedur Pentadbiran Kontrak-JKR.PK(O).04A-3. Senarai Semak Penyediaan Bayaran Interim telah menggariskan bahawa penilaian kerja perlu dibuat berdasarkan penilaian di tapak.

Kemajuan kerja secara normanya perlu direkodkan di dalam buku harian tapak kemudiannya dimasukkan di dalam program kerja. Penilaian di tapak boleh dilaksanakan dengan mengambil terus diambil terus maklumat di dalam program kerja. Ini secara langsung akan mempercepatkan segala urusan penilaian bayaran kemajuan projek dan pembayaran projek dapat dilaksanakan dengan segera. Sehubungan dengan itu, Pasukan Projek perlu berhijrah dari praktis sedia ada kepada penilaian berasaskan program kerja.

## 4. Analisis permohonan lanjutan masa perlu menggunakan program kerja.

Syarat-syarat kontrak menjelaskan bahawa sebaik sahaja jelas bahawa kemajuan kerja terlewat, kontraktor hendaklah dengan serta merta memberi notis bertulis kepada Pegawai Penguasa / Pengarah Projek menyatakan sebab-sebab kelewatan berlaku. PP hendaklah mempertimbangkan permohonan kontraktor dan sekiranya didapati Kerajaan telah menyumbangkan kepada kelewatan tersebut, maka PP hendaklah memberikansuatu lanjutan masa yang adil dan berpatutan sebelum atau pada tarikh penyiapan kerja yang dibenarkan di dalam kontrak.

Arahan KPKR 3/2008 telah menyatakan dengan jelas bahawa Kaedah Laluan Genting (CPM) hendaklah dijadikan panduan bagi menentukan samada kontraktor layak diberi lanjutan masa dan tempohnya. PP perlu mengambilkira samada aktiviti yang terlewat itu kritikal terletak di dalam laluan kritikal penyiapan projek tersebut. Pasukan projek didapati masih kurang mempraktikkan analisis lanjutan masa menggunakan program kerja yang dikemaskini. Ini mungkin akan menjejaskan dari segi jumlah tempoh lanjutan masa yang diberikan kepada kontraktor.

Oleh demikian, sebarang analisis lanjutan masa perlu menggunakan program kerja yang dikemaskini agar suatu tempoh optimum yang adil dapat diberikan kepada kontraktor tanpa mengakibatkan kerugian kepada kerajaan.

## Kesimpulan

Program kerja adalah adalah alatan projek yang penting di dalam sesuatu pembinaan. Memulakan projek tanpa jadual adalah seperti memulakan suatu perjalanan tanpa peta atau arah. Tidak kira betapa besar atau saiz projek, program kerja adalah salah satu kunci kejayaan menyiapkan sesuatu pembinaan dalam tempoh kontraktor. Program kerja disediakan bukan sekadar untuk memenuhi keperluan kontrak, tetapi ia perlu digunakan secara menyeluruh di dalam sesuatu pembinaan. Program kerja perlu diubah aplikasi dari bersifat static kepada yang lebih dinamik disepanjang tempoh kontrak.

**Ir. Mohd Mukhlis Jaya Bin Abdullah**  
merupakan seorang Jurutera Awam Penguasa di  
Unit Amalan Terbaik

# Sejauhmana Pengurusan Nilai Memberi Kesan kepada Pengurusan Projek

oleh Pn. Zawidatul Asma binti Ghazali

## PENGENALAN KEPADA PENGURUSAN NILAI (VM)

Pengurusan Nilai (VM) telah diiktiraf secara global sebagai management tool yang dapat meningkatkan penyampaian nilai (value delivery) kepada pihak pelanggan. Dalam konteks pelaksanaan projek pula, disamping dapat meningkatkan nilai sesuatu projek, pelaksanaan VM juga dapat meningkatkan prestasi pengurusan projek. Sebagai contoh, integrasi Kajian VM dalam projek membantu perancangan projek seperti penentuan skop dan kos projek yang bersesuaian dengan fungsi pojeq, seterusnya penghasilan rekabentuk optimum dengan kos yang juga optimum. Ini seterusnya dapat memastikan projek mencapai objektif dan fungsi seperti yang disasarkan oleh pelanggan.

Di Malaysia, tiga (3) intervensi utama VM yang telah diperkenalkan oleh Unit Perancang Ekonomi (EPU) dalam kitar hayat pelaksanaan projek iaitu;

- 1.Kajian Nilai (Value Assessment-VA) di peringkat perancangan / strategik
- 2.Kejuruteraan Nilai (Value Engineering-VE) di peringkat rekabentuk
- 3.Semakan Nilai (Value Review-VR) di peringkat operasi

## PENGENALAN KEPADA VALUE ENGINEERING METHODOLOGY MATRIX (VEMM)

VEMM merupakan metodologi pemudahcara Kajian VE yang dibangunkan oleh Unit Pengurusan Nilai (UPN), Jabatan Kerja Raya (JKR). Ia memberi panduan dan tatacara kepada fasilitator secara teratur dan terperinci berkenaan aktiviti dan tugas dalam mengendalikan sesuatu Kajian VE di peringkat pra lab, lab dan pasca lab.

## PENGENALAN KEPADA PROJECT MANAGEMENT BODY OF KNOWLEDGE (PMBOK, 2008)

PMBOK 2008 yang dibangunkan oleh Project Management Institute (PMI) USA telah menggariskan sembilan (9) bidang pengetahuan pengurusan projek. Selain itu, ia turut menggariskan 5 proses pengurusan projek merangkumi pemulaan (initiating), perancangan (planning), pelaksanaan (executing), pemantauan & pengawalan (monitor & controlling) dan penutupan (closing) dengan Keseluruhan proses yang terlibat adalah sebanyak 42 proses. PMBOK 2008 ini telah digunakan sebagai asas penilaian kepada kajian ini.

## KESAN PELAKSANAAN VM/VE KEPADA PENGURUSAN PROJEK

Secara umumnya, pelaksanaan VM/VE akan memberi kesan kepada prestasi pengurusan projek. Namun, tidak dapat dipastikan sejauhmana sumbangan tersebut dan juga bidang pengetahuan yang terlibat. Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi mengenalpasti kesan pelaksanaan Kajian VE (yang dilaksanakan JKR) terhadap pengurusan projek dengan memberi fokus kepada peringkat pra tender.

## METODOLOGI KAJIAN

Bagi tujuan tersebut, empat (4) kajian kes telah dipilih melibatkan Kajian VE terhadap projek bangunan dan jalan yang dilaksanakan oleh JKR. Berikut adalah perincian kajian kes yang digunakan:

### KAJIAN KES 1

**Jenis Projek :** Pembinaan Dedicated Ramp

**Skop kajian:** Elemen dan komponen

**Tahap rekabentuk:** Rekabentuk dan BQ awalan

**Penjimatan kos:** 0.17% dari anggaran kos

### KAJIAN KES 2

**Jenis Projek :** Institut Vokasional  
**Skop kajian:** Ruang, elemen dan komponen

**Tahap rekabentuk:** Rekabentuk dan BQ awalan

**Penjimatan kos:** 10.72% dari anggaran kos

### KAJIAN KES 3

**Jenis Projek :** Kolej Pertanian  
**Skop kajian:** Ruang, elemen dan komponen

**Tahap rekabentuk:** Rekabentuk dan BQ awalan

**Peningkatan kos:** 6.14% dari anggaran kos

### KAJIAN KES 4

**Jenis Projek :** Jejambatan di Persimpangan

**Skop kajian:** Elemen dan komponen

**Tahap rekabentuk:** Rekabentuk dan BQ terperinci


**Penjimatan kos:** 1.51% dari anggaran kos




Keempat-empat Kajian VE di atas telah dimudahcara menggunakan metodologi VEMM oleh fasilitator yang terlibat dalam mengendalikan kajian tersebut. Seterusnya penilaian dilaksanakan pada kajian kes tersebut terhadap bidang pengetahuan pengurusan projek seperti digariskan dalam PMBOK 2008.

## KEPUTUSAN PENILAIAN

Hasil penilaian ditunjukkan dalam Rajah 1 dan Rajah 2



Rajah 1: Penglibatan VE berdasarkan Bidang Pengetahuan Pengurusan Projek



Rajah 2: Penglibatan VE berdasarkan Kajian Kes

## PERBINCANGAN KEPUTUSAN PENILAIAN

Berdasarkan analisis yang dibuat didapati, pelaksanaan kajian VE memberi kesan yang signifikan kepada pengurusan projek melalui enam (6) bidang pengetahuan pengurusan projek (penglibatan melebihi 50%) iaitu :

- Pengurusan skop
- Pengurusan masa
- Pengurusan kos
- Pengurusan kualiti
- Pengurusan komunikasi
- Pengurusan risiko

Manakala Jadual di bawah pula menunjukkan korelasi antara penglibatan VE dengan impak kepada prestasi projek bagi setiap kajian kes

## KAJIAN KES IMPAK KEPADA PRESTASI PROJEK

### KAJIAN KES 1

- Penambahbaikkan skop (validasi terhadap fungsi projek) dan opsyen rekabentuk
- Sistem nilai pelanggan diperjelaskan dan diambilkira dalam projek
- Penambahbaikkan kos projek bagi permohonan peruntukan
- Penambahbaikkan komunikasi antara pasukan projek
- Pelaksanaan pengurusan risiko untuk memitigasi risiko projek

### KAJIAN KES 2

- Rekabentuk dan susun atur bangunan kompak dicadangkan bagi memenuhi kos projek yang terhad
- Penambahbaikkan fungsi fasiliti selaras dengan penambahbaikkan proses pengguna
- Sistem nilai pelanggan diperjelaskan dan diambilkira dalam projek
- Penambahbaikkan komunikasi antara pasukan projek
- Pelaksanaan pengurusan risiko untuk memitigasi risiko projek

### KAJIAN KES 3

